

“Ambil Balik Wang Kita Jadilah Negara Maju Sebenar”

Pelan Ekonomi Saya
untuk

Rakyat Singapura

oleh Tan Jee Say



Isi Kandungan

Ambil Balik Wang Kita, Jadilah Negara Maju Sebenar

1. Negara yang Tidak Sama Rata, Bukan Negara Maju Yang Sebenar	3
2. Rizab Singapura: Anggaran	6
3. Duit Simpanan untuk PAP	9
4. Penipuan CPF	10
5. Bagaimana Kita Pulangkan Duit Kepada Rakyat	11
6. Kebajikan yang Mapan	15
7. Reformasi Buruh	20
8. Reformasi CPF	21
9. Tiang Sari Serantau untuk Sebarang Masalah	22
10. Tiada Cukai Baharu, Tiada Penyelewangan Rizab, Tidak Melumpuhkan Negara.	22
11. Ekonomi Dwi-Enjin: Pertumbuhan dan Kebajikan Bersama	22
12. Ringkasan	24
Jadual 1: Kesan Pemberian terus/manfaat Kerajaan dan cukai ke atas Indeks Gini	4
Jadual 2: Rizab Singapura (Anggaran)	7
Jadual 3: Pulangan Rizab Singapura (Anggaran)	8
Jadual 4: Kekurangan Pulangan Wang Pencarum CPS(\$ Billion)	11
Jadual 5: Pulangan Duit Rakyat Kepada Rakyat: Cukai, Geran dan Subsidi (\$ Juta)	14
Jadual 6: Mengekalkan Kebajikan Singapura	20

Ambil Balik Wang Kita, Jadilah Negara Maju Sebenar

Singapura: Negara yang Tidak Sama Rata, Bukan Negara Maju Yang Sebenar

Singapura adalah negara yang mempunyai ketaksamarataan. Perubahan asas perlu dilakukan di dalam ekonomi. Lepas sekian lama, manfaat pertumbuhan ekonomi hanya memberi kelebihan kepada golongan elit dan tidak diagihkan dengan adil kepada rakyat marhaen. Singapura mungkin telah bergerak dari negara miskin ke negara maju dari sudut infrastruktur dan pendapatan per kapita. Tetapi bukan hanya Singapura yang mempunyai lonjakan ekonomi. Banyak negara lain juga mendapat manfaat daripada ledakan ekonomi selepas perang dan pengembangan perdagangan global, terutama negara di Asia timur seperti Japan, Korea dan Taiwan dan Eropah barat. Tetapi mereka memperoleh sesuatu yang lebih bernilai berbanding Singapura iaitu kehidupan masyarakat yang stabil dan progresif dari sudut keadilan, demokrasi dan kepelbagaian dalam kepimpinan (Bukan hanya satu keluarga yang berkuasa). Perkara itu adalah kualiti sebenar sebagai negara maju.

Kesan Pembelanjaan Kebajikan Oleh Kerajaan

Kenapa terdapat negara-negara yang lebih berjaya daripada Singapura dalam mengurangkan ketidaksamaan? Mari kita bandingkan ketidaksamaan dalam ekonomi melalui Indeks Gini. I dalam Indeks Gini menunjukkan berlaku ketaksamarataan mutlak dimana keseluruhan pendapatan dimiliki oleh satu isi rumah sahaja manakala 0 menunjukkan tiada siapa mempunyai pendapatan. Maka semakin tinggi Indeks Gini, semakin tinggi ketidaksamaan. Kerajaan mengurangkan ketidaksamaan melalui pemberian subsidi barang dan perkhidmatan kepada rakyat melalui perumahan, kesihatan, pendidikan dan kaedah kebajikan lain termasuklah pemberian tunai: manfaat ini dipanggil sebagai pemberian terus kerajaan. Duit yang digunakan untuk subsidi dan pemberian didapati melalui cukai yang dikutip daripada rakyat; kebiasaannya orang kaya akan dikenakan cukai yang lebih tinggi dan ini akan merapatkan jurang antara miskin dan kaya.

Apakah impak pelaksanaan yang dilakukan oleh kerajaan kepada Gini? Bagaimana pencapaian Singapura berbanding dengan negara mahu yang lain? Sebelum pelaksanaan pemberian terus dan pencukaian, Singapura Gini pada tahun 2018 adalah 0.458, lebih rendah berbanding US dan UK iaitu 0.47 tetapi lebih tinggi berbanding Finland 0.44, Belanda 0.42 dan Denmark 0.40 dan purata negara OECD iaitu 0.42; data ini merupakan data terkini. Selepas pemberian terus dan pencukaian, Gini Singapura telah menurun kepada 0.404 dimana berada di atas garisan amaran ketidaksamaan antarabangsa iaitu 0.4; ini menunjukkan bahawa berlaku ketidaksamaan di Singapura tidak seperti negara OECD dimana purata Gini selepas pemberian terus dan

pencukiaan adalah 0.29, begitu juga untuk US 0.37, UK 0.34, Japan 0.31, Belanda 0.29, Korea Selatan 0.26, Finland 0.25 dan Denmark 0.24.¹

Jadual 1: Kesan Pemberian terus/manfaat Kerajaan dan cukai ke atas Indeks Gini

Negara	Indeks Gini		Impak Pengagihan Semula(%)
	Sebelum Pemberian terus dan Cukai G1	Selepas Pemberian terus dan Cukai G2	
1. Finland	0.44	0.25	43
2. Denmark	0.40	0.24	40
3. Austria	0.42	0.26	38
4. Norway	0.38	0.25	34
5. Belanda	0.42	0.29	31
6. UK	0.47	0.34	28
7.Australia	0.43	0.32	26
8.New Zealand	0.42	0.33	21
9.USA	0.47	0.37	21
10.Jepun	0.38	0.31	18
11.Korea	0.30	0.26	13
12.Purata OECD	0.42	0.29	31
13.Singapura	0.458	0.404	12
* Impak Pengagihan Semula = $(G1-G2)/G1$ (%)			

¹ Laporan-laporan terkini telah menunjukkan bahawa Indeks Gini Singapura tidak bawah 0.4, angka yang dikira berdasarkan pendapatan isi rumah setiap ahli isi rumah, iaitu methodologi yang lazimnya digunakan di antarabangsa. Kerajaan Singapura telah mengira Gini berdasarkan skala punca kuasa dua (*square root scale*) yang menyebabkan angka Indeks Gini kurang dari 0.4 Ini disebabkan penggunaan punca kuasa dua menyebabkan saiz isi rumah asal lebih kecil, menyebabkan anggaran pendapatan setiap ahli isi rumah lebih tinggi. Contohnya, pendapatan isi rumah \$4,000 dalam isi rumah 4 orang bermakna bahawa anggaran pendapatan untuk setiap ahli ialah \$1,000. Namun begitu, penggunaan skala punca dua menyebabkan jumlah ahli dikira sebagai 2 orang dan menyebabkan anggaran pendapatan lebih tinggi iaitu \$2,000, 2 kali ganda angka asal iaitu \$1,000. Kesilapan ini juga dilakukan dalam *Yearbook Statistik Singapura, 2019*. Disebabkan kesilapan ini, methodologi yang tidak melibatkan pelarasan untuk saiz isi rumah saya telah gunakan.

Nota: Indeks Gini Individu dibaca berdasarkan carta yang disediakan oleh kertas OECDOSCOPE yang dilampirkan

Sumber:

1. "Pengagihan Pendapatan Merentasi Negara OECD: hasil carian utama dan pelaksanaan polisi" diterbitkan pada 14 Februari 2019 oleh OECDOSCOPE, dan ditulis oleh Orsetta Causa, Pengarah Ekonomi OECD dan Anna Vindics dan James Browne, Pengarah OECD untuk Pekerjaan, Buruh dan Hal Ehwal Sosial.
2. Buku Statistik Tahun Singapura, 2019

Pemberian terus dan Cukai hanya menurunkan Gini Singapura sebanyak 12% berbanding 31% untuk OECD secara purata, 43% untuk Finland, 40% untuk Denmark dan 31% untuk Belanda. Kesemua negara Eropah ini mempunyai Indeks Gini dibawah garisan ambang ketaksaksamaan dan ditaksirkan sebagai negara yang adil dan saksama tidak seperti Singapura. Kesimpulannya sudah jelas, Pencapaian Singapura tidak seperti negara maju yang lain dalam mengurangkan ketidaksamaan. Negara lain membelanjakan lebih wang ke atas rakyat mereka, Kerajaan memberi kembali apa yang mereka ambil dari rakyat. Tidak seperti mereka, Kerajaan PAP mengenakan cukai yang tinggi tetapi hanya membelanjakan sedikit untuk rakyat Singapura. Mereka mengambil lebih banyak berbanding jumlah yang mereka belanja kepada rakyat. Itu sikap sebenar kerajaan PAP, mereka mengambil seekor ayam tetapi hanya memulangkan bahagian sayap sahaja kepada rakyat.

Sikap kerajaan yang tidak mengembalikan hasil kerajaan kepada rakyat telah menyebabkan lebihan dalam kutipan cukai. Lebihan ini patut dipulangkan supaya memberi manfaat kepada rakyat seperti yang dilakukan oleh negara maju yang lain. Lebihan ini disebabkan oleh lebihan hasil cukai berbanding pembelanjaan kerajaan dan ini menunjukkan rakyat telah dikenakan cukai yang berlebihan dimana perbelanjaan kerajaan ke atas rakyat masih sedikit. Kenapa? Kerana kerajaan menganggap bahawa lebihan itu adalah duit kerajaan dan bukan duit rakyat, Tetapi tidak pernah ada duit kerajaan, yang ada hanya duit pembayar cukai seperti Bekas Perdana Menteri British Margaret Thatcher jelaskan dalam video ini:



Video Credits: <https://www.youtube.com/watch?v=xvz8tg4MVpA&gl=SG>

“Kerajaan tidak mempunyai sumber kewangan melainkan duit yang diperoleh oleh rakyat. Jika kerajaan ingin membelanjakannya daripada kerajaan mampu maka kerajaan kena meminjam daripada simpanan rakyat atau dengan mengenakan cukai yang lebih tinggi. Dan satu pemikiran yang beranggapan bahawa orang lain akan boleh membiayainya adalah tidak patut. Orang lain itu adalah rakyat.”

“Tidak pernah wujud duit kerajaan, yang wujud adalah duit pembayar cukai”

Margaret Thatcher, dalam ucapan di Persidangan Parti Konservatif, Oktober, 1983/

Rizab Singapura: Anggaran:

Lebih hasil Singapura diperoleh daripada pembayar cukai. Ya, ia adalah duit rakyat, duit kita, dan rizab kita. Apa yang mengecewakan adalah kerajaan masih tidak mahu memberitahu kita jumlah rizab ini, menafikan dengan menyatakan,

“Ianya bukan kepentingan nasional untuk menerbitkan jumlah sebenar rizab negara. Jika kita lakukan ini, itu akan memudahkan berlakunya serangan spekulasi melalui pasaran terhadap dolar Singapura semasa fasa tidak stabil.”

https://www.ifaq.gov.sg/MOF/apps/fcd_faqlmain.aspx#FAQ_1567.

Ini janggal dan kelak kerana hujah ini tidak logik. Pertama, semua dana awam akan direkod dalam penyata rasmi statistik awam dan boleh dicantumkan dalam mendapat anggaran. Kedua,

ketidakstabilan dolar Singapura disebabkan oleh serangan spekulasi hanya akan berlaku apabila Singdollar dalam keadaan lemah tetapi sekarang Singdollar dalam keadaan kuat dan pihak autoriti telah menjalankan langkah bagi menghalang perkara itu daripada berlaku. Ketiga, Singdollar bukan nilai matawang antarabangsa, penawaran adalah terhad dan kita mempunyai pelbagai sumber untuk melawan serangan spekulasi.

Letak tepi ketakutan yang tidak rasional ini, mari fokus kepada anggaran berdasarkan statistik yang diterbitkan. Kerajaan dialukan untuk memperbetulkan saya dengan data yang benar.

Rizab negara dipegang oleh pihak autoriti kewangan Singapura, Temasek Holdings dan perbendaharaan kerajaan yang mana akan menerbitkan penyata mengenai aset dan liabiliti di dalam belanjawan tahunan Menteri Kewangan. Rizab telah melebihi \$1 trilion atau \$1,000 bilion setiap tahun bagi 2 tahun berturut-turut. Pada 31 Mac 2019, rizab terkumpul bernilai melebihi \$1,050 bilion.

Jadual 2: Rizab Singapura (Anggaran)

Agensi Kerajaan	\$ Bilion pada 31 st Mac				
	2015	2016	2017	2018	2019
I. Pihak Autoriti Kewangan Singapura					
Jumlah Dana Asing	340.7	331.5	362.8	376.5	400.6
2. Temasek Holdings:					
Nilai Portfolio	266	242	275	308	313
3. Kementerian Kewangan **					
A. dana yang disatukan	275	293	304	329	337
B. Dana lain (Dana yang dikhususkan untuk amanah, endowmen termasuk dana sekuriti kerajaan)	160	156	158.6	173.6	185.7
Jumlah: dana bersih (a+b)	435	449	462.6	502.6	522.7
4. Jumlah dana dirizbkan* (Tidak digunakan untuk kegunaan tertentu) (1+2+3a)	881.7	866.5	941.8	1,013.5	1,050.6

* tidak termasuk dana dalam badan berkanun dan dana lain yang digunakan untuk tujuan tertentu.

**Sumber: Kenyataan Aset dan Liabiliti yang dilampirkan dengan belanjawan tahunan

Jumlah rizab yang besar ini mampu mewujudkan pulangan pelaburan yang besar tetapi kerajaan hanya memperuntukkan jumlah yang kecil iaitu 2% di dalam belanjawan tahunan. Pada tahun 2019, jumlah yang diperuntukkan adalah \$17 Bilion, 20% lebih rendah daripada 2% yang ingin dicapai iaitu \$21 Billion. Jika peruntukan 2% ini dilaksanakan, ia akan mewujudkan pulangan tambahan sebanyak \$4 Bilion dalam membantu rakyat.

Jadual 3: Pulangan Rizab Singapura (Anggaran)

Agensi Kerajaan	\$ Billion pada 31 st Mac				
	2015	2016	2017	2018	2019
1.Jumlah Rizab*	881.7	866.5	941.8	1,013.5	1,050.6
2.Sumbangan Pulangan Pelaburan Bersih (NRI)**	9.90	14.37	14.61	16.44	17.17(est)
3.Peratusan NRIC daripada Jumlah Rizab	1.12%	1.65%	1.55%	1.62%	1.63%
4.Sasaran maksimum NRIC pada 2% daripada Jumlah Rizab	17.63	17.33	18.83	20.27	21.01
5.Kekurangan dalam NRIC (baris 4 baris 2)	7.73	2.96	4.22	3.83	3.84
6.Kemungkinan pulangan NRIC pada 4% tanpa menyentuh pokok	35.26	34.66	37.67	40.54	42.02
7.Kekurangan dalam NRIC (baris 6 - baris 2)	25.36	20.29	23.06	24.10	24.85

* Dianggarkan MAS terdiri daripada rizab asing, Untung Bersih Temasek dan Dana Disatukan (Lihat Jadual 2). Lebihan dalam agensi kerajaan yang lain seperti badan berkanun tidak dimasukkan.

** NIRC terdiri daripada 50% pulangan pelaburan bersih (NIR) atas aset bersih dilaburkan oleh GIC, MAS and Temasek and 50% Pendapatan Pelaburan Bersih (NII) diperoleh daripada rizab terdahulu daripada aset yang masih ada. Peraturan ini akan memastikan kerajaan membelanjakan separuh daripada pulangan yang dijangkakan daripada pelaburan berasaskan rizab.

Pulangan jangka panjang yang sebenar telah ditetapkan pada 4%

*** Seperti 4% telah ditetapkan sebagai kadar kepada pulangan jangka masa panjang yang dijangkakan, mengeluarkan 4% daripada rizab tidak akan menyentuh jumlah pokok, maka "rizab tersebut tidak akan diganggu".

Berdasarkan fakta, kerajaan boleh lebih bermurah hati dan membelanjakan dengan kadar pulangan 4% tanpa menyentuh jumlah pokok rizab dimana boleh terus dilaburkan untuk pulangan masa depan. Ini apa yang dilakukan oleh Norway dengan kekayaan mereka yang bernilai US\$1 trilion, langkah ini telah memberi pulangan yang dijangkakan kepada belanjawan nasional setiap tahun.

4% itu akan memberi sumbangan sebanyak \$42 bilion kepada Belanjawan Singapura dan duit ini boleh digunakan untuk menolong rakyat bagi tahun 2019, seperti \$17 bilion boleh dijadikan sebagai peruntukan tambahan dan \$25 bilion boleh digunakan untuk menghapuskan 7% GST, meningkatkan subsidi bagi kesihatan, pendidikan, perumahan dan pengangkutan awam. Kerajaan juga boleh menyediakan elaun tunai kepada kanak-kanak dan warga emas dimana akan memberi kesan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi domestik dan membantu usahawan kecil (gerai, kedai roti, pasaraya, penjaja, medan selera dan restoran).

Duit Simpanan untuk PAP

Tapi kenapa kerajaan PAP tidak memberi semua manfaat tersebut kepada rakyat pada masa kerajaan mempunyai dana yang mencukupi dalam memenuhi keperluan negara seperti keadaan luar jangka dan jangka panjang bagi nasional dan perlindungan ekonomi? Cik Goh Chok Told memberitahu di Dialog EDB pada tahun 2015 berdasarkan pengalaman beliau, "*Apa yang kamu bagi, kamu tidak akan pernah dapat daripada masyarakat*". Beliau teruskan,

"(Bapa Pengasas) Sikap Lee Kuan Yew adalah untuk memberi sedikit demi sedikit. Apabila kita memberi semua pada satu masa dan sudah tidak mempunyai apa-apa untuk diberi, pada masa itu mereka akan tendang keluar kita."

(Goh Chok Tong, Straits Times 27 November 2015)

Maka sudah jelas bahawa PAP menggunakan rizab negara dalam mendapatkan undi daripada rakyat, dari pilihan raya ke pilihan raya seterusnya, daripada pakej generasi perintis ke pakej

generasi merdeka 5 tahun selepas itu walaupun perkhidmatan kesihatan diperlukan oleh tahap usia pada setiap masa dan negara mempunyai wang mencukupi bagi melaksanakan perkara yang penting, mustahak dan keperluan kritikal. **Maka PAP patut malu apabila menggunakan duit rakyat untuk memanipulasikan undi, kekalkan mereka di puncak kuasa dan bayar mereka sendiri berjuta-juta.**

Penipuan CPF

Untuk menambah pedih di luka, dalam mengenakan cukai yang berlebihan kepada rakyat, kerajaan telah menipu rakyat ke atas pulangan baki akaun CPF kita. Bagi saya menerangkannya, duit CPF akan dilaburkan dalam Sekuriti khas Kerajaan Singapura (SSGS) yang diisukan oleh kerajaan dengan kadar bunga 2.5% hingga 6%², dengan anggaran purata 4%. Kerajaan akan memindahkan duit CPS yang dilaburkan SSGS ke GIC untuk diuruskan.

Selepas tempoh 5 tahun yang berakhir 31 Mac 2018, dana SSGC di dalam GIC memperoleh pulangan tahunan sebanyak 6.6%, melebihi anggaran purata iaitu bagi 4% bayaran bagi kadar tahunan kepada CPD dengan 2.6%. Lebih menunjukkan pulangan sedikit yang diterima oleh oleh pencarum CPF

Selepas 5 tahun yang berakhir tahun 2018,kekurangan kumulatif berjumlah \$41 Billion dan dalam satu tahun terakhir yang berakhir pada 31 Mac 2018, kekurangan hampir berjumlah \$10 Billion. Kekurangan ini patut dipulangkan kepada pencarum CPF kerana itu hak mereka. Jika dibandingkan dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Malaysia yang mampu capai pulangan pelaburan sebanyak 6.57% pada tahun 2018 dan memberi semua pulangan tersebut kepada pencarum dengan dividen 6.15%, dengan peratusan bayar balik adalah sebanyak 93.6%.

² Kadar ini sepatutnya sepadan dengan kadar bunga yang dibayar atas baki akaun pencarum-pencarum CPF, iaitu 2.5% atas Akaun Biasa, 4% atas Akaun Khas dan Akaun Saraan, dengan tambahan 1% untuk baki akaun gabungan sehingga jumlah \$60,000 dan tambahan 1% lagi untuk pencarum berumur 55 ke atas, atas \$30,000 pertama daripada baki akaun gabungan.

Jadual 4: Kekurangan Pulangan Wang Pencarum CPS(\$ Billion)

	2014	2015	2016	2017	2018
1. Jumlah tertanggung kepada pencarum	275	299	328	359	391
2. Isu istimewa sekuriti kerajaan Singapura terhadap CPF (SSGS)	263	286	314	344	374
3. Pulangan SSGS yang diuruskan oleh GIC (Menggunakan pulangan tahunan nominal sebanyak 6.6% bagi 5 tahun yang berakhir 31 Mac 2018)*	17.35	18.87	20.72	22.70	24.68
4. Kadar SSGS yang ditawarkan oleh Kerajaan (menggunakan purata 4%)	10.52	11.44	12.56	13.76	14.96
5. Pulangan berkurangan CPF (baris 3 - baris 4)	6.83	7.43	8.16	8.94	9.72
Kekurangan kumulatif	N/A	14.26	22.42	31.36	41.08
* Sumber: https://www.mof.gov.sg/policies/our-nation's-reserves/Section-I-What-comprises-the-reserves-and-who-manages-them					
** Sumber: Laporan Tahunan CPF					

Bagaimana Kita Pulangkan Duit Kepada Rakyat

Rakyat Singapura telah dicekik oleh PAP-cukai berlebihan dan pulangan yang sedikit bagi CPF. Kita telah diberi pulangan yang sedikit dan secara tidak sengaja membenarkan lebih hasil terus meningkat dari tahun ke tahun dengan mengendahkan keperluan rakyat. Jumlah besar rizah negara ini adalah duit rakyat, duit kita dan ini masa yang sesuai untuk kita dapatkan kembali duit itu dan digunakan untuk meningkatkan kebajikan masyarakat, membantu perniagaan untuk berkembang dan melabur dalam sektor penting yang mampu menjamin kesejahteraan hidup dan memacu ke arah pertumbuhan ekonomi.

Kos Sara Hidup: GST dan Kesihatan

Prioriti sekarang adalah untuk mengurangkan kos sara hidup terutama GST dan kesihatan. &% GSt telah membebaskan rakyat. Pada tahun 2019, kerajaan menjangkakan untuk mengumpul sebanyak \$11.69 billion daripada rakyat atau purata adalah \$ 8,822 untuk setiap isi rumah. Perkara ini amat membebaskan kebanyakan keluarga. Kita boleh dan sepatutnya memansuhkan

GST secara keseluruhan dan menggunakan lebih hasil untuk menampung kesan penghapusan GST.

Peningkatan kos kesihatan juga memberi satu beban kepada keluarga tempatan. Tetapi kerajaan hanya bercadang untuk memberi subsidi kepada hanya separuh (\$6.1 billion) bagi pembelanjaan kesihatan tahunan sebanyak \$11.7 billion pada tahun 2019 (sumber: Laporan Keempat Jawatankuasa Anggaran yang dibentangkan kepada parlimen pada 13 November 2019). Negara lain telah memberi subsidi lebih banyak bermaksud pemberian kesihatan percuma melalui hasil cukai umum. Kita perlu melakukan hal yang sama semampu yang boleh dalam memastikan mendapat pulangan daripada rizab negara. Kita perlu subsidi sepenuhnya kepada rakyat dan menghapuskan keperluan mencarum 9% hingga 11% kepada Medisave. Perkara ini akan mengurangkan kos pendapatan kepada pekerja dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan. Pekerja akan memperoleh lebih duit untuk dibelanjakan. Baki yang terdapat di Medisave boleh disalurkan kepada akaun khas untuk pencen.

Pendidikan: Daripada Pra-Persekolahan ke Universiti

Pendidikan adalah kunci kepada masa depan anak-anak. Kita tidak sepatutnya menyekat mereka mengenal pasti kebolehan diri dengan mengenakan yuran yang tidak sepatutnya atau menyuruh mereka untuk mengambil pinjaman pendidikan yang besar. Kajian oleh bank “mendapati 74% ibu bapa terpaksa menggunakan pendapatan seharian mereka bagi membayar pinjaman anak mereka. Ramai tidak mempunyai simpanan untuk kegunaan pembelanjaan pendidikan.” (TODAY, 5 Ogos 2018)

Dalam memastikan ibu bapa dapat membantu anak-anak untuk mengeluarkan kebolehan mereka, kita mesti menghapuskan semua yuran bermula dengan sekolah rendah sehingga ITE, politeknik dan universiti. Langkah ini hanya membebaskan sebanyak \$1 Billion setahun dan ia pelaburan yang berbaloi untuk masa depan mereka. Tetapi kita boleh untuk lebih agresif dengan juga menghapuskan yuran bagi pra-persekolahan untuk membentuk pembentukan jati diri mereka di usia muda. Anggaran kos bagi langkah ini hanya \$1 Billion setahun.

Elaun Kanak-Kanak

Bukan mudah untuk membesarkan anak. Ramai anak-anak memulakan persekolahan tanpa sarapan pagi kerana tidak mempunyai duit yang mencukupi. Ramai keluarga menghadapi kesukaran dalam membekalkan teknologi yang diperlukan yang membantu pembelajaran mereka. Itu salah satu bukti mengapa orang muda tidak berminat mempunyai keluarga dimana Singapura mempunyai kadar kesuburan yang terendah di dunia dengan 1.14 untuk setiap wanita. Kita perlu membantu mereka dengan membekalkan elaun kewangan \$500 untuk setiap bagi setiap bulan sehingga mereka berumur 19 tahun. Ini memberi kos sebanyak \$2.4 Billion setiap tahun.

Pencen Golongan Tua

Berdasarkan kajian terkini yang diterbitkan pada Mei 2019 oleh penyelidik Ng Kok Hoe (NUS) dan Teo You Yenn (NTU) setiap orang tua memerlukan \$1,379 setiap untuk memenuhi keperluan asas. Walaubagaimanapun, kajian itu juga menyatakan bahawa hampir separuh tidak mendapat CPS pada tahap yang diperlukan atau lebih rendah iaitu \$ 800 setiap bulan. Maka mereka perlu bergantung kepada keluarga atau organisasi sosial dalam menampung kekurangan sebanyak \$500 sebulan. Tetapi dengan kadar kelahiran semakin menurun, saiz keluarga semakin kecil dan itu menyebabkan tempat bergantung kepada golongan tua semakin berkurangan. Kerajaan dan organisasi sosial perlu masuk campur dalam hal ini. Apa yang perlu dilakukan sekarang, kerajaan boleh bermula dengan membekalkan pencen setiap bulan kepada golongan tua sebanyak \$500. Kos membekalkan pencen ini adalah sebanyak \$2.4 billion setahun.

Pencen golongan tua dan elaun kanak-kanak akan meningkatkan pembelanjaan pengguna dalam pasaran tempatan dan itu menyebabkan **pertumbuhan dalam kalangan perniagaan kecil, gerai, pasaraya, penjaja, medan selera dan restoran.**

Pengangkutan Awam

Kos pengangkutan awam di Singapura adalah tinggi berbanding pendapatan. Purata isi rumah akan membelanjakan 3.5% daripada jumlah pembelanjaan ke atas pengangkutan awam, 40% lebih tinggi dengan purata di Kesatuan Eropah dan sudah pasti lebih tinggi berbanding Luxembourg dengan 0.6%, Belgium 1.1 dan Denmark 1.4%. Kita berusaha untuk menurunkan kadar pembelanjaan isi rumah iaitu 3.5% ke sekurang-kurangnya purata Kesatuan Eropah iaitu 2.5% dengan membekalkan subsidi \$ 800 juta setahun.

Jadual 5: Pulangan Duit Rakyat Kepada Rakyat: Cukai, Geran dan Subsidi (\$ Juta)

Program/ Aktiviti	Existing 2019	Proposed Subsidy rise/tax fall (from 2020)	Cost, minus 2019
1.Cukai Barang dan Perkhidmatan, GST (7%)	11,690 est	0 (no GST)	11,690
2.Kesihatan	11,700*	5,600	5,600
3.Yuran Sekolah (termasuk ITE, Poli, Universiti)	1,000	1,000	1,000

Hak Cipta Terpelihara @ Tan Jee Say

	est***		
4.Geran Pra-Sekolah	N/A	1,080***	1,080
5.Elaun Kanak-Kanak	Nil	2,400****	2,400
6.Pencen Golongan Tua (60 tahun dan ke atas)	Nil	2,400*****	2,400
7.Pengangkutan Awam	N/A	800*****	800
8.Jumlah	N/A	N/A	24,970
9. Jumlah sedia ada daripada baki daripada 4% pulangan atas rizab (\$42-17 bilion). Jumlah pokok rizab tidak disentuh langsung.	25,000	N/A	N/A
10. Baki yang tidak digunakan (<i>unutilized reserves</i>) daripada 4% pulangan atas rizab (baris 9 di atas – baris 8 diatas), menyebabkan tambahan ke kepada rizab.	30	N/A	N/A
<p>* Laporan Keempat oleh Jawatankuasa Anggaran yang dibentangkan di Parlimen pada 13 November 2019</p> <p>** Merangkumi fi \$228 juta dikutip dari sekolah dan kolej <i>junior</i></p> <p>*** \$1,000 untuk setiap kanak-kanak setiap bulan, dengan anggaran 30,000 kanak-kanak x 3 (umur 3-5)</p> <p>**** \$500 untuk setiap kanak-kanak setiap bulan (400,000 kanak-kanak)</p> <p>***** \$500 untuk setiap warga tua setiap bulan (400,000 warga tua)</p> <p>***** Pada 2017/18, 1.325 juta isi rumah membelanjakan purata \$781 setiap bulan untuk setiap isi rumah untuk pengangkutan awam atau 3.5% dari purata jumlah perbelanjaan isi rumah; berbanding purata di EU iaitu 2.5% (%125), Luxembourg 0.6%, Belgium 1.1%, Denmark 1.4% (Source: Eurostat Household Expenditure 2017)</p>			

Penampian

Program ini tidak akan menggunakan baki \$25 Billion daripada pulangan 4% daripada \$42 Billion dalam rizab negara. Akan terdapat baki \$30 juta dimana akan diberi penampian bagi melindungi jumlah pokok daripada dikacau.

Penjualan Tanah

Satu lagi menjadi isu dan adalah pajakan tanah negeri. Untuk makluman, hasil ini akan disalurkan secara terus kepada rizab lepas dimana itu akan menghalang hasil itu digunakan dalam belanjawan. “Inovasi Belanjawan” PAP ini bercanggah dengan standard perakaunan Tabungan Kewangan Antarabangsa dimana hasil pajakan tanah mesti dijadikan sebagai hasil terkini dan

Hak Cipta Terpelihara @ Tan Jee Say

mesti digunakan untuk tahun semasa. Sebagai hab kewangan antarabangsa, kita sepatutnya menggunakan kaedah terbaik dan format yang digunakan oleh IMF. Kepada sesiapa yang beranggapan bahawa kita sedang menjual masa depan anak kita kerana menjadikan penjualan sebagai hasil dan membelanjakannya, Tolong ingat bahawa bahaw pajakan tanah yang dijual dan selepas tempoh pajakan habis(20,30 atau 99 tahun), tanah tersebut akan dikembalikan kepada hak milik negeri dan negeri mempunyai pusingan baru hasil yang dikutip dan dapat membelanjakan untuk masa generasi baru. Maka kita tidak menjual masa depan anak-anak kita.

Sepanjang 10 tahun, penjualan tanah telah memberi hasil sebanyak \$10 Billion untuk setiap tahun, dalam kurungan \$11.2 billion pada tahun 2016 hingga \$19 billion pada tahun 2011, dengan jumlah keseluruhan adalah \$158 billion untuk 10 tahun atau purata adalah \$15.8 billion setahun. Kita tidak boleh hasil ini terbiar begitu sahaja tetapi melaburkan dalam perkara yang memberi pulangan kepada masa anak-anak.

Kebajikan Yang Mampan

Pada masa program ini mampu meningkat kebajikan harian masyarakat secara berterusan, kita kena pastikan perkara berterusan dengan menjamin kelestarian dan membina perancangan jangka panjang di dalam negara.

Tetapi, kita kena pastikan pemikiran rakyat berada dalam keadaan tenang dengan menyelesaikan isu berkaitan dengan pajakan HDB.

Menghapuskan Pajakan HDB dan Menjana Perumahan

Nilai Flat HDB telah menurun kerana telah mencapai atau hampir tempoh pajakan 99 tahun. Skim Pembangunan Semula Pilihan (SERS) telah membantu atau cuba meningkatkan nilai flat lama. Tetapi kerajaan telah membuat keputusan untuk tidak melangsungkan SERS kerana ia tidak membawa hasil kerana kawasan komersial tersebut sudah tiada untuk dibangunkan oleh kerajaan dan mendatangkan hasil yang lumayan selepas membayar pampasan kepada pemilik. Ini merupakan satu langkah yang curang kerana ia telah mengenyepikan hak masyarakat dalam memperoleh perumahan yang lebih bersepadu, meriah dan mantap dan pelbagai guna dengan reka bentuk yang lebih bagus denga gerai, pejabat, sekolah, klinik, hospital dan fasiliti yang lain.

Langkah kerajaan untuk menggantikan SERS dengan VERS adalah bukan satu penyelesaian kepada masalah penurunan nilai flat lama kerana VERS akan menghapuskan flat lama jika berusia 70 tahun. Kita mesti meneruskan SERD kepada semua flat yang berusia kerana reka bentuk dan struktur akan menjadi usang pada tempoh tersebut. Semua terma dibawah SERS perlu diteruskan termasuk membayar pampasan berdasarkan nilai bebas flat dan membina flat

Hak Cipta Terpelihara @ Tan Jee Say

baharu dikawasa berhampiran. Harga flat tersebut mest berdasarkan kos pembinaan tanpa mengambil kira kos hartanah terhadap flat baharu. (tengok seksyen Perumahan dibawah)

Berdasarkan dengan kos pembinaan \$1,800 setiap meter persegi untuk purata standard kondominium (*Arcadis 2019*), kos purata untuk membina flat berukuran 90 meter yang mempunyai 4 bilik adalah \$162,000. (Terdapat jenis flat yang lain tetapi kita akan menggunakan 4 bilik sebagai kos purata untuk skim ini). Jika meletakan \$1 billion dalam SERS yang baharu, kita akan mampu membina 5,000 flat SERS yang baharu dengan kos \$800 million dengan masih mempunyai baki \$200 juta. Kos \$800 juta ini akan mampu ditampung melalui hasil penjualan flat ini.

Kami mencadangkan pampasan berdasarkan kos penggantian untuk setiap flat (Harga untuk setiap flat baharu) ditambah kos lain yang boleh ditampung oleh \$200 juta adalah dengan memberi \$40,000 untuk setiap pemilik flat sebagai pembelanjaan penempatan semula.

Maka dengan SERS baharu ini akan memberi setiap pemilik dengan flat yang lebih selesa dan duit saku sebanyak \$40,000 untuk setiap pemilik sebagai pembelanjaan penempatan semula. Jika ingin menukar ke saiz flat yang lebih kecil, contoh dari 5 bilik ke 3 bilik, boleh diteruskan dan bermaksud akan memperoleh lebih banyak duit melalui kos penempatan semula \$40,000 tersebut. Ini akan melindungi nilai flat dengan mencadangkan formula yang baharu berdasarkan kos pembinaan (Lihat perenggan seterusnya) akan memastikan flat tersebut tidak mahal dan mampu milik kepada pasangan muda.

Perumahan

Rumah terlampau mahal dan punca utama adalah kerana kos hartanah. Pada tahap awal pelaksanaan perumahan awam, flat HDB tidak mahal kerana tidak terlalu terpengaruh dengan harga hartanah. Perkara ini berubah dari tahun 1980 dan ke atas dan kos hartanah sekarang dianggar separuh dari harga flat HDB. (Ini merupakan anggaran kerana kerajaan tidak menerbitkan kos spesifik untuk flat HDB). Untuk menjadikan flat HDB mampu milik untuk pasangan muda, kos hartanah tidak boleh dimasukkan dalam kos keseluruhan flat HDB. Perkara ini akan membebankan kerajaan sebanyak \$2 Billion setahun berdasarkan defisit yang ditanggung oleh HDB pada tahun 2018 dalam mendapatkan tanah daripada kerajaan dan geran untuk pembeli yang layak.

Untuk berlaku adil kepada pembeli flat lama yang kos pembelian termasuk kos hartanah, satu polisi yang khusus perlu dilakukan dalam memastikan tiada penjualan balik dengan meningkat tempoh hak milik kepada 10 atau 15 tahun sebelum penjualan balik dibenarkan atau jual balik flat tersebut kepada HDB.

Fasiliti Kesihatan Dan Sumber Manusia

Lebih banyak hospital, klinik dan pusat kesihatan perlu dibina dalam mengurangkan tempoh menunggu. Tempoh temu janji bersama pakar mengambil masa sehingga 1 dan 2 bulan perlu dikurangkan kepada 1 dan 2 minggu sahaja. Ini memastikan tempoh itu munasabah dan mampu menyelamatkan nyawa. Bilangan katil di hospital perlu ditingkatkan dua kali ganda dan posisi hospital perlu diperluaskan di semua kawasan perumahan agar mudah diakses oleh semua penghuni.

Sumber manusia juga patut ditingkatkan dua kali ganda seperti lebih banyak doktor, doktor gigi, jururawat, juruteknik perubatan dan ahli fisioterapi. Pengambilan sekolah perubatan, universiti, politeknik dan ITE perlu dipertingkatkan.

Reformasi yang agresif dalam infrastruktur kesihatan dan sumber manusia akan memastikan keperluan yang dikehendaki dalam peningkatan populasi disamping juga akan menjadi salah tarikan Singapura sebab hab kesihatan di rantau ini.

Kita patut memperuntukkan \$2 billion setahun kepada sektor ini. \$1 billion digunakan untuk mengembangkan infrastruktur kesihatan dan fasiliti dan \$1 billion akan digunakan untuk meningkatkan sumber manusia yang diperlukan.

Pendidikan, Sekolah dan Guru

Sistem pendidikan adalah bersifat elit. Banyak sumber negara disalurkan dalam membantu golongan cerdas pandai berbanding kepada golongan biasa. Ini jelas menunjukkan perbezaan kelas. Kebiasaannya kelas di Program Bersepadu (IP) sudah diselaraskan untuk pelajar yang mempunyai kelebihan dalam pendidikan dengan mempunyai 25 pelajar tetapi kelas di sekolah menengah biasa mempunyai 40, 60% lebih ramai pelajar.

Sepatutnya sumber yang sedia ada perlu disalurkan dalam membantu dan melatih secara akademik pelajar yang lemah kerana mereka yang memerlukan bantuan? Kita patut pastikan saiz kelas hanya 20 supaya tumpuan boleh diberikan kepada pelajar yang mempunyai masalah. Maka diperlukan untuk mempertingkatkan bilangan guru dua kali ganda (Bilangan guru sekarang adalah 30,000) dan meningkatkan bilangan pembantu, sekolah dan fasiliti.

Kita perlu mencorak balik sistem persekolahan untuk lebih bekerjasama dengan industri supaya pembangunan kebolehan dan bakat daripada sekolah melalui ITE, politeknik dan universiti dan melalui industri. Ini akan menjadikan pembelajaran dan latihan adalah pengalaman sepanjang hayat yang mampu membangun bersama.

Hak Cipta Terpelihara @ Tan Jee Say

Kita perlu melaburkan sebanyak \$2 billion setiap tahun dalam perubahan dan pengembangan pendidikan dan institusi latihan, dengan \$1 billion untuk fasiliti dan sumber manusia. Dalam keadah membantu rakyat, pengembangan ini akan membantu reputasi Singapura sebagai salah satu hab utama pendidikan di dalam rantau ini dan menjadikan tiang utama kepada pendidikan seperti yang berlaku di UK, USA dan Australia.

Dana untuk Perubahan Pertengahan Kerjaya dan Kemaskini Kemahiran

Orang selalu terfikir untuk mengubah perjalanan di pertengahan kerjaya mungkin kerana kemahuan berubah atau dah lalui perjalanan kerjaya yang mencabar dan mahukan kerjaya yang stabil dalam akademi atau perkhidmatan awam, atau mereka beranggapan bahawa kerjaya menyediakan lebih banyak peluang; Walaubagaimanapun, ramai berputus asa disebabkan kos kerana melibatkan latihan professional bertahun (termasuk PHD, atau Master), maka mereka tersekat didalam kerjaya, tidak dipenuhi dan tidak gembira. Kemungkinan beribu yang tersekat dan ini merupakan satu pembaziran bakat. Terdapat juga kerjaya yang diganggu dengan teknologi dan permintaan pasaran. Kita perlu membantu golongan ini, dikenali sebagai PMETs (Profesional, Pengurus, Eksekutif dan Juruteknik) dengan menyediakan perubahan pertengahan kerjaya dan kemaskini dana dengan satu billion sebagai permulaan.

Dana Usahawan Muda

Ekonomi baru menunjukkan satu contoh pengusaha kecil membangun kepada gergasi teknologi menjadi pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan beribu peluang pekerjaan baru. Kita tidak boleh menafikan bahawa golongan muda mempunyai idea baru yang bernas dan diinspirasikan sebagai Facebook, Apple, Amazon, Netflix, Google, Alibaba, Tencent atau Baidu yang seterusnya. Tetapi mereka mempunyai kekurangan dari sudut sumber. Kita perlu mewujudkan Dana Usahawan Muda sebanyak \$1 billion dalam membantu mereka merealisasikan impian mereka. Kita boleh mejangkakan pulangan yang besar. Ia berbaloi untuk ditaruhkan kepada golongan muda.

Berani Dan Hijau

Di dalam ekonomi ekonomi, memfokuskan kepada perubahan iklim merupakan satu keperluan sebagai negara kecil tetapi sebuah pulau yang berpendapatan amat terdedah kepada pencemaran dan peningkatan paras air laut. Perkara ini perlu melibatkan anak muda kerana masa depan mereka yang menjadi taruhan. Kita perlu menyediakan \$1 billion sebagai Dana Hijau dalam langkah mengurangkan pembebasan karbon dan melindungi kita daripada kesan peningkatan paras air laut.

Hak Cipta Terpelihara @ Tan Jee Say

Menghasilkan dan menggunakan tenaga yang boleh diperbaharui(Matahari, angin, Ombak atau sumber lain) patut menjadi fokus utama dan digunakan dalam perumahan, hospital, sekolah, pejabat dan infrastruktur seperti dicadangkan dalam kertas ini

Jadual 6: Mengekalkan Kebajikan Singapura

Program/Aktiviti	Belanjawan Dicapangkan untuk Setahun
1. Pampasan dan Pembangunan Semua SERS yang baharu	\$1 Billion
2. Subsidi Hartanah Untuk Perumahan	\$2 Billion
3. Fasiliti Kesihatan dan Sumber Manusia	\$2 Billion
4. Fasiliti Pendidikan dan Sumber Manusia	\$2 Billion
5. Perubahan Pertengahan Kerjaya dan Kemaskini Dana	\$1 Billion
6. Dana Usahawan Muda	\$1 Billion
4. Dana Hijau	\$1 Billion
5. Jumlah	\$10 Billion
6. Dana yang ada(Berdasarkan dengan purata hasil penjualan tanah untuk 10 tahun)	\$16 Billion
7. Baki daripada hasil penjualan tanah	\$6 Billion

Pelan Kemapanan

Program (Jadual 6) akan melengkapi inisiatif yang dicadangkan dalam jadual 5, dalam mengekalkan dalam jangka masa panjang, memperkuatkan sistem kebajikan Singapura. Ia akan memakan kos sebanyak \$10 Billion setahun dimana akan meninggal baki sebanyak \$6 billion daripada hasil purata pajakan tanah. Pada masa yang sama, kita mengambil beberapa inisiatif dalam menjamin kebajikan pekerja.

Reformasi Buruh:

Gaji Minimum

Gaji minimum adalah keperluan dalam memastikan pekerja berkerja dengan penuh maruah. Hampir 90% negara telah melaksanakan gaji minimum kepada pekerja. Singapura ada melaksanakan polisi gaji minimum beberapa tahun lalu tetapi fokus polisi tersebut hanya kepada pencuci dan penjaga keselamatan. Polisi ini perlu diperluaskan kepada keseluruhan ekonomi.

Hak Buruh

Akta yang sedia ada membenarkan majikan mengambil dan memecatkan pekerja dengan notifikasi yang pendek, akta ini diperkenalkan pada era awal perindustrian untuk menarik pelaburan. 50 tahun telah berlalu dan kita sudah tidak terdesak. Pekerja kita berhak untuk dilayan dengan penuh penghormatan. Kita perlu melaksanakan polisi yang bercirikan negara dunia pertama. Sekurang-kurangnya, kita melanjutkan notifikasi pemecatan kepada 3 bulan dengan termasuk pampasan.

Dana Bantuan Penganggur

Untuk tambahan, Kita perlu membantu rakyat Singapura yang terlibat dalam pengangguran yang menjadi semakin parah dan disebabkan penstrukturan ekonomi yang pasaran buruh. Kita perlu mewujudkan Dana Bantuan Penganggur (UBF) dengan melibatkan sumbangan majikan dan pekerja, dimana mereka akan menyumbangkan 0.5% daripada gaji pekerja kepada CPF. Berdasarkan jumlah gaji pekerja Singapura merangkumi 40% daripada jumlah KDNK 2018(\$491 billion, UBF akan menyalurkan dana yang kecil sebanyak \$2 billion setahun kepada penganggur di Singapura. Butiran yang lebih lanjut boleh diperolehi apabila konsultasi antara pekerja dan majikan dijalankan.

Reformasi CPF

Sekarang kadar sumbangan CPF adalah 37% daripada gaji bulanan sehingga berumur 55 dan ia terdiri 17% daripada majikan dan 20% daripada pekerja. Kadar itu menurun selepas berumur 55 tahun. Duit CPF akan disalurkan kepada tiga akaun iaitu biasa, khas dan Medisave. Kadar Medisave akan meningkat daripada 8% kepada 10.5% apabila pencarum semakin tua, boleh dikatakan kadar purata adalah 9%. Kerajaan telah menerima cadangan untuk subsidi sepenuhnya keperluan kesihatan di Singapura, maka akaun Mediasave sudah tidak relevan dan boleh digantikan dengan akaun pengangguran seperti dicadangkan di atas. Kadar sumbangan CPF mungkin akan jatuh sebanyak 8%, akan mengurangkan sumbangan bulanan kepada 29% daripada gaji bulanan. Baki yang terdapat dalam akaun Medisave boleh dialihkan ke akaun khas untuk meningkatkan dana persaraan pencarum.

Untuk mengalakkan pelaburan dana CPF, jawatankuasa pelaburan patut diwujudkan untuk menguruskan pelaburan dana tersebut dibanding hanya memperoleh 4% daripada Sekuriti Khas Kerja Kerajaan Singapura setahun. Seperti yang ditunjukkan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Malaysia, jawatankuasa pelaburan telah memperoleh yang tinggi dan mampu membayar balik hampir semua kepada pencarum. CPF perlu dibenarkan untuk mewujudkan jawatankuasa pelaburan tersendiri yang menguruskan keperluan pencarum dan memaksimumkan pulangan untuk pelaburan dana tersebut.

Tiang Sari Serantau untuk Sebarang Masalah

Membina kekuatan kewangan akan meletakkan kita untuk mudah menguruskan gangguan dalam ekonomi. Gangguan tersebut akan menjadi lebih mencabar dengan peningkatan teknologi dan ketegangan geopolitik serantau. Salah satu kaedah yang efektif dalam menempuhi gangguan ini dengan meningkatkan pertumbuhan di rantau ASEAN kerana mempunyai ekonomi kelas pertengahan yang berkembang dengan menyediakan perkhidmatan seperti logistik, kewangan, undang-undang, kesihatan dan pendidikan.

Secara dasarnya, kita mempunyai kehendak jangka panjang yang sama iaitu kesihatan dan pendidikan. Dengan melaburkan di hospital dan sekolah untuk memenuhi keperluan rakyat, kita juga akan mewujudkan keadaan perniagaan yang mapan untuk berkhidmat kepada rantau. Permintaan domestik dan serantau akan memperkuatkan ekonomi dan pekerjaan kita untuk menempuhi perkembangan teknologi dan gangguan geopolitik global.

Tiada Cukai Baharu, Tiada Penyelewangan Rizab, Tidak Melumpuhkan Negara.

Selepas sekian lama, Kerajaan PAP telah memfokuskan pembelanjaan dalam pelaburan dan hanya membelanjakan sedikit untuk kebajikan rakyat. Sebenarnya, pembelanjaan kebajikan hanya sebagai aksi sahaja. PAP menganggap bahawa kebajikan membuat rakyat tidak semangat dan membuat rakyat malas. Kita boleh lihat bahawa sikap adalah jangkal jika berdasarkan pengalaman yang dialami oleh negara maju.

PAP juga memberi amaran kepada rakyat bahawa pembelanjaan kebajikan akan menyebabkan kenaikan cukai dan akan melumpuhkan negara. Data yang dilampirkan kertas cadangan ini menunjukkan tiada kenaikan cukai diperlukan untuk memastikan cadangan program kebajikan negara maju dijalankan malah cukai seperti GST dan yuran dan caj.

Ekonomi Dwi-Enjin: Pertumbuhan dan Kebajikan Bersama

Sampai masanya untuk kita mengambil balik duit kita untuk memperbaiki kebajikan kita. Kita mesti meninggalkan ideologi pertumbuhan tidak seimbang PAP dan menyalakan enjin ekonomi pada kedua-dua aspek, iaitu mencapai pertumbuhan ekonomi dan kebajikan rakyat, dengan sekaligus seperti masyarakat Negara Maju yang sebenar. Bukankah ini matlamat yang kita semua berusaha cuba capai? Kita berhak dan mampu mencapai matlamat ini. **Sampai masanya untuk kita mengambil balik duit kita dan membina masyarakat Negara Maju yang sebenar.**

Hak Cipta Terpelihara @ Tan Jee Say

*“Tidak pernah wujud duit kerajaan, yang wujud adalah duit pembayar cukai”
Margaret Thatcher, dalam ucapan di Persidangan Parti Konservatif, Oktober, 1983*

*“Take Back Our Money, Be True First World”
Tan Jee Say, February 2020*

Ringkasan

Negara yang Tidak Sama Rata, yang Bukan Negara Maju Sebenar

Singapura ialah negara yang tidak sama rata dan yang bukan Negara Maju sebenar. Negara-negara Maju yang lain ada kelebihan yang kita tidak ada. Negara-negara tersebut berbelanja dengan lebih besar untuk kebaikan rakyat. Kerajaan-kerajaan tersebut kembalikan apa yang diambil dari rakyat. Tetapi, kerajaan PAP terlebih mengenakan cukai dan kurang berbelanja untuk rakyat. Ini ibarat mengambil seekor ayam dari rakyat tetapi hanya mengembalikan satu kepak sahaja. Hasilnya ialah kerajaan mengumpul lebih (*surpluses*) yang melebihi \$ trilion (\$1,000 bilion).

Lebih gergasi ini menghasilkan pulangan pelaburan yang lumayan. Tetapi, kerajaan hanya memperuntukkan pecahan yang amat kecil iaitu 2%, untuk disalurkan kembali kepada bajet nasional, walaupun kerajaan berjangka akan dapat menikmati kadar pulangan sebenar jangka masa panjang yang lebih tinggi iaitu kadar 4%. Kita cadangkan supaya memperuntukkan pulangan 4% sepenuhnya untuk disalurkan kembali kepada bajet, kerana ini tidak akan menyentuh jumlah pokok rizab langsung. Negara Norway melakukan sebegini dengan kekayaan lebih US\$1 trillion dan memberi pulangan pelaburan yang dijangka kepada bajet nasional setiap tahun secara sepenuhnya.

Kebajikan Negara Maju

Sumbangan 4% untuk bajet Singapura ini akan menyebabkan lebih daripada \$42 bilion disediakan supaya boleh dibelanjakan untuk rakyat, berbanding jumlah diperuntukkan sekarang iaitu \$17 bilion (berdasarkan angka 2019). Tambahan \$25 billion ini cukup untuk kita:

- Memansuhkan GST,
- Menyediakan subsidi penuh untuk kesihatan,
- Menyediakan subsidi penuh untuk pendidikan (tiada yuran untuk sekolah, ITE, poli & universiti)
- Menyediakan elaun tunai untuk kanak-kanak dan warga tua yang akan merencanakan lagi ekonomi tempatan dan membantu perniagaan-perniagaan kecil (kedai runcit, kedai makan dan sebagainya), dan
- Menurunkan tambang pengangkutan awam

Kebajikan Yang Mampan

Kita boleh dan meti mengekalkan program-program kebajikan Negara Maju ini pada masa depan dengan melindungi dan membina kepentingan rakyat dalam negara: -

Hak Cipta Terpelihara @ Tan Jee Say

- teruskan dengan SERS baru sebagai imbalan kepada penurunan nilai flat HDB lama,
- pastikan flat HDB masih bersifat mampu milik untuk golongan muda dengan tidak mengenakan caj untuk kos tanah dan mengenakan sekatan pada penjualan semula (*resale*) flat-flat ini,
- bina lebih banyak hospital dan sekolah, dan tambahkan bilangan kakitangan kesihatan dan pendidikan,
- biayai golongan PMET supaya dapat bertukar karier apabila menghadapi *career disruptions*,
- galakkan dan biayai orang muda supaya mencapai cita-cita mereka untuk mewujudkan syarikat gergasi teknologi (*technology giants*),
- sokong dan bina inisiatif orang muda untuk menangani perubahan iklim.

Program ini dijangka memakan kos \$10 bilion. Oleh sebab program ini bertujuan melindungi kepentingan rakyat pada masa depan, program ini sepatutnya dan boleh dibiayai dengan pendapatan dari jualan pajakan tanah. Jualan pajakan tanah sepanjang 10 tahun yang lalu berjumlah hampir \$16 bilion setiap tahun, iaitu \$6 bilion lebih daripada jumlah yang diperlukan.

Tiada Cukai Baharu, Tiada Penyelewangan Rizab, Tidak Melumpuhkan Negara.

Kita tidak memerlukan peningkatan cukai, malah cukai baru, untuk menyediakan dan mengekalkan program-program kebajikan Negara Maju yang dicadangkan. Sebaliknya, cukai GST dan yuran dan caj untuk pendidikan dan kesihatan dapat dimansuhkan. Tambahan pula, kami hanya akan membelanjakan pulangan pelaburan rizab kami tanpa menyentuh jumlah pokok. Negara kita tidak akan bankrap, tetapi sebaliknya terus mengekalkan jumlah pokok rizab yang akan terus menghasilkan pulangan untuk perbelanjaan kebajikan pada masa depan.

Ekonomi Dwi-Enjin: Pertumbuhan dan Kebajikan Bersama

Kita mesti meninggalkan ideologi pertumbuhan tidak seimbang PAP dan menyalakan enjin ekonomi pada kedua-dua aspek, iaitu mencapai pertumbuhan ekonomi dan kebajikan rakyat, dengan sekaligus seperti masyarakat Negara Maju yang sebenar. Kita berhak dan mampu mencapai matlamat ini.

Sampai masanya untuk kita mengambil balik duit kita dan membina masyarakat Negara Maju yang sebenar.

*“Tidak pernah wujud duit kerajaan, yang wujud adalah duit pembayar cukai”
Margaret Thatcher, dalam ucapan di Persidangan Parti Konservatif, Oktober, 1983*

“Take Back Our Money, Be True First World”

Hak Cipta Terpelihara @ Tan Jee Say

Tan Jee Say, February 2020

Tan Jee Say ialah lepasan Oxford University, di mana beliau dikurniakan ijazah sarjana muda *philosophy, politics and economics* (PPE) atas biasiswa dari kerajaan Singapura. Beliau memulakan karier beliau dalam perkhidmatan awam Singapura. Beliau menceburi bidang ini untuk 11 tahun, 6 tahun di Kementerian Perdagangan dan Industri, di mana beliau memegang jawatan sebagai ketua perancang ekonomi dan setiausaha kepada Dr Albert Winsemius, penasihat ekonomi kepada Kerajaan Singapura. Jee Say mengiringi Dr Winsemius ke mesyuarat dengan menteri-menteri Kabinet, pegawai-pegawai tinggi, ahli-ahli perniagaan dan pemimpin-pemimpin kesatuan pekerja. Beliau akhirnya memenuhi syarat ikatan biasiswanya tetapi mengambil keputusan untuk berterusan dalam perkhidmatan awam. Beliau akhirnya dilantik sebagai Setiausaha Sulit Kanan (SUSK) kepada En Goh Chok Tong, yang menggantikan En Lee Kuan Yew sebagai Perdana Menteri.

Selepas berkhidmat sebagai SUSK untuk 5 tahun, Jee Say menempuh cabaran baru dalam sektor swasta sebagai pengurus bank pelaburan (*investment banker*). Beliau menasihati syarikat di rantau Asia tentang penstrukturan semula korporat, penggabungan dan pengambilalihan dan pengumpulan dana. Beliau seterusnya menjadi pengurus dana (*fund manager*). Sebagai pengarah urusan untuk rantau Asia Pacific, beliau membantu amanah pelaburan (*investment trusts*), kumpulan wang persaraan (*retirement funds*) dan satu *sovereign wealth fund* untuk menguruskan portfolio pelaburan mereka.

Jee Say dilantik sebagai Felo di Universiti Oxford dan Universiti Harvard pada 2013 dan 2014.

Pada Februari 2011, Jee Say menerbitkan pelan ekonominya: “*Creating Jobs and Enterprise in a New Singapore Economy: Ideas for Change*”. 3 bulan kemudian, beliau bertanding dalam pilihanraya umum untuk membawa mesej pelannya. Dengan azam untuk berkhidmat untuk negaranya, Jee Say kemudian bertanding dalam pilihanraya presiden 2011, atas platform mewujudkan semak dan imbang (*checks and balances*) untuk kerajaan. Beliau bertanding dalam pilihanraya umum 2015 sekali lagi dengan manifesto menawarkan jaring keselamatan (*safety net*) yang kukuh untuk rakyat. Esei terbarunya iaitu “Ambil Balik Wang Kita, Jadilah Negara Maju Sebenar” ialah pelan ekonomi kedua untuk rakyat Singapura di mana beliau memperincikan apa yang perlu dijalankan supaya Singapore menjadi Negara Maju Sebenar. Jee Say berharap pelan ekonomi ini akan giat dibincangkan sebelum pilihanraya umum seterusnya yang bakal diadakan sebelum April 2021.